

Kertas Kerja

Seminar Pemahaman Budaya

Sosio Budaya Negeri Sembilan

Satu Tinjauan

Oleh: Haji Ismail bin Abdul Hadi

SOSIO – BUDAYA NEGERI SEMBILAN

: Satu Tinjauan

oleh : Haji Ismail Bin Abdul Hadi

1. Latar belakang

Negeri Sembilan (NS) ialah sebuah negeri bersaiz kecil mempunyai keluasan 2565 batu persegi (6646 KM persegi) atau 665,084 hektor (NS Bergerak Maju 1984 : 13). Negeri ini dalam kedudukan negara ialah Zon Selatan bersama-sama Melaka dan Johor. Batas geografinya pula bersempadan dengan Selangor di utara, Pahang di timur-laut, Melaka di selatan, Johor di timur dan laut Selat Melaka di bahagian pesisir. Sebagai sebuah negeri kecil, bilangan penduduknya juga tidak ramai tidak sepadat negeri-negeri lain yang agak besar (kecuali Melaka dan Perlis). Berdasarkan bancian tahun 1891, NS didiami oleh 65,219 orang dan meningkat kepada 96,028 orang pada tahun 1901 dengan kadar pertambahan 47.23 %

(*) Kertaskerja Seminar Kefahaman Budaya 'Keunikan Budaya Destinasi Popular' anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan di Dewan Theatre, Wisma Negeri, Seremban pada 3 Disember 1998.

Manakala bancian tahun 1970 telah mencakupi 546,705 orang dengan peratus 45.4 (Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN 1984) dan terakhir bilangan penduduk NS pada Januari 1993 menjadi 724,000 orang (Utusan Malaysia 20.1.93).

Kawasan NS terutama bahagian tengah dan barat laut begitu cantik dan menarik berbukit-gunung sanggit menyanggit sama-sama membentuk banjaran pergunungan tengah Semenanjung Malaysia yang merentasi NS. Ada beberapa batang sungai mengalir dari kawasan pergunungan hingga ke pantai. Sungai utama yang berulukan Gunung Telapak Buruk ialah Sungai Linggi iaitu sebatang sungai terpenting pada zaman dahulu, manakala gunung tertinggi ialah Gunung Besar Hantu dengan ketinggian 4799 kaki. Sementara iklim di NS menunjukkan suhu panas yang agak tinggi hingga ke paras maksima 90 oF terutama pada bulan-bulan Mac-Mei, kedudukan ini menurun pada bulan-bulan November-Januari menjadi 76 oF. Manakala purata curahan hujan ialah 82 inci setahun, lantaran itu tumbuhan-tumbuhan hutannya cantik menghijau kerana sesuai dengan kelembapannya. Namun begitu dalam catatan dan penentuan suhu negara, kawasan Jelevu merupakan daerah 'terkering' sekali di mana purata curahan hujannya cuma 65 inci setahun. NS mempunyai kawasan pantai yang indah sepanjang 45 KM dan amat sesuai bagi destinasi pelancongan (peranginan) dan seluruhnya kawasan pantai ini ialah di daerah Port Dickson. Pantainya begitu landai dibarisi pohon-pohon nyiur dan rhu (cemara) di samping pohon-pohon renek pantai menambahkan lagi keindahan apatah lagi di waktu menjelang senja ketika suria membenamkan diri. Bandar Seremban yang didahulunya dikenali sebagai Sungai Ujong (Semujong) atau Fu Yong menjadi ibu negeri dan Seri Menanti dijadikan 'Bandar DiRaja'. Kesimpulannya yang memikat bahawa Negeri Sembilan mempunyai banyak tempat menarik dan kesan sejarahnya yang memukau di samping 28 buah bandar dan pekan terletak bertaburan di segenap pelosok.

2. Gambaran dan Sejarah

Sebagai sifatnya yang 'kolektif' sejarah sememangnya menimbulkan masalah, mempunyai proses perkembangan sesuatu idea, banyak peristiwa dan segala yang wujud itu memang ada asal usul atau permulaannya. Kita selalu menyalurkan permulaan dan perkembangan sejarah, kerana sejarah sebenarnya menjadi penentu perkembangan, termasuklah NS dan dalam sejarah perkembangannya memang mempunyai keunikannya yang tersendiri. NS mempunyai identiti politik yang tidak terlalu lewat wujudnya. Keunikan NS sebanyak sedikit adalah bersandarkan kepada 'Minangkabau' , sama ada dari pertalian jiwa, perasaan, darah keturunan dan kebudayaan dimana kesemua ini sudah lama terjalin erat. Keadaan politik di NS mempunyai satu pola walaupun berlaku 'kekacauan', namun sistem dan institusi politiknya tidak berubah. Konflik yang berlaku adalah disebabkan sistemnya membenarkan ianya berlaku (Khoo Kay Kim 18.3.1990). Apabila konflik berlaku setengah pembesar cuba mendapatkan pengaruh (Inggeris) dan kcenderungan inilah pada umumnya menjadikan bukan sahaja NS malah beberapa buah negeri Melayu lain berubah kuasa politiknya kepada Inggeris. Keadaan yang berlaku di NS adalah disebabkan adanya hasil mentah bijih timah yang telah menjadi asas perkembangan ekonomi bersama-sama negeri Perak dan Selangor yang menjadi tarikan hebat dunia luar ketika itu. Natiyah dari perkembangan ini telah timbul 'kepentingan' di antara pembesar-pembesar umpamanya antara Dato' Bandar dengan Dato' Kelana di Sungai Ujong berkaitan masalah cukai di Kuala Sim pang (Sungai Linggi), hal ini sebenarnya telah memberi peluang kepada Inggeris mengambil kesempatan mencelah dan mencengkamkan pengaruh menyebabkan kuasa tempatan yang ada tidak dapat bertahan dan sekaligus berlakulah 'campurtangan' politik Inggeris ke atas

pemerintahan anak negeri yang tidak dapat dihalang. Dengan itu bermulalah proses pembaratan yang kemudian semakin menular membentuk perubahan drastik ke atas pola sosio-budaya di NS, dimana kewibawaan serta nilai tradisi beransur hilang dan pupus genting.

Dalam konsep lama NS lahir setelah kedatangan Raja Melewar (Raja Mahmud) pada tahun 1773 (?) kerana sebelum itu setiap 'luak' mempunyai pemerintahan atonominya sendiri. Manakala dalam konsep moden NS lahir setelah termeterinya Perjanjian Tahun 1885 diantara Yamtuan Seri Menanti, Dato'-Dato' Undang Yang Empat dengan Gabenor Negeri-negeri Selat, di mana kemudiannya wujudlah satu 'kesatuan' yang lebih besar dan kukuh dinamakan 'Negeri Sembilan'.

3. **Sosio-Budaya NS**

Sosio-budaya ialah segala yang berkaitan dengan budaya masyarakat atau kemasyarakatan yang amat luas bidangnya. Untuk kajian sosio-budaya NS untuk memudahkannya dapat dibahagikan kepada beberapa aspek.

3.1. **Sistem Adat Perpatih.**

Adat mempunyai falsafahnya yang tersendiri, begitu juga halnya dengan Adat Perpatih yang menjadi suatu sistem sosial di NS ada dengan falsafahnya yang tersendiri. Sistem Adat Perpatih berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat, setelah dibawa masuk ke NS ia menjadi amalan, mendarah daging dan kukuh bagai 'dianjak layu, dicabut mati' kerana pemakaiannya begitu mendalam menjadikan ia 'tak lekang dek panah dan tak lapuk dek hujan', demikian adat ini diterima pakai oleh sebahagian besar penduduk

NS terutama di daerah pedalaman sehinggalah ke hari ini (sudah mula longgar). Untuk membicarakan Adat Perpatih ini banyak sekali tali temalnya yang tidak dapat diungkai dalam ceramah singkat ini (puluhan buah buku telah diterbitkan mengenai Adat Perpatih sama ada di Indonesia mahupun di negara kita). Penulis mengutarakan asas-asas penting tentang adat ini yang difikirkan dapat memberikan gambaran mengenainya. Namun yang nyata, Adat Perpatih Nan Sebatang ini dibawa pendatang-pendatang Minangkabau dalam beberapa arus gelombang dan kemudian naik di beberapa tempat. Yang naik ke NS mereka melalui Sungai Linggi terus ke Sungai Penajoh (Sungai Rembau) langsung ke Sungai Siput, di mana kemudiannya mendarat ke daerah-daerah pedalaman NS. Bersesuaian dengan falsafah dan prinsip yang ada di dalam Adat Perpatih, maka penduduk tempatan merasakan adat ini seairan dengan jiwa dan perasaannya. Pemakaian adat ini begitu 'tebal' di kawasan Rembau, Jelevu, Kuala Pilah dan Tampin, sementara kawasan-kawasan lain pada tempat-tempat tertentu sahaja. Adat tidak menjadi amalan di Port Dickson dan sebahagian Seremban, kerana mereka mengamalkan 'Adat Temenggung'. Di daerah pedalaman yang menjadi tumpuan pendatang-pendatang Minangkabau berlaku asimilasi yang melahirkan suatu bentuk atau sistem politik tradisional :

Alam beraja
Luak berpenghulu
Lembaga berlingkungan
Anakbuah berbuapak

yang menampakkan batas-batas kewibawaan kuasa dan kedudukan dalam masyarakat beradat ini. Cara hidup masyarakat Adat Perpatih mempunyai kelainan, terutama tentang mengira keturunan iaitu dari nasab ibu (menentukan jurai keturunan),

soal-soal pembahagian harta pesaka. Kedua perkara ini mempunyai falsafah yang tersirat dalam bagi menjaga 'maruah' kaum perempuan.

Unit paling kecil dalam sistem adat ini ialah 'keluarga', kemudian membesar kepada 'perut' (dikuasai oleh 'buapak' iaitu seorang lelaki tertua). Percantuman dari beberapa 'perut' pula dinamakan 'suku' (dikuasai oleh seorang lelaki dipanggil 'lembaga' seperti kata perbilangan:

Bersuku berwaris (wareh)
Jauh pun ada, dekat (dokek) pun ada
Jika jauh didengar-dengarkan (didonga-dongakan)
Jika dekat dipandang-pandangkan (dijongok-jongokkan)
Dekat cari waris
Jauh cari suku

Pemakaian 'suku' dalam adat ini ada 12 suku :

Biduanda (Duando)
Batu Hampar (Tuampa)
Tanah datar (Tedatar)
Seri Melenggang (Somolonggang)
Seri lemak (solomak)
Mungkal (Mungka)
Tiga Batu (Tigo Batu)
Tiga Nenek (Tigo Nenek)
Paya Kumbuh (Pekumboh)
Anak Melaka (Nak Melako)
Anak Aceh (Nak Ceh)
Batu Belang (Tobolang)

Peranan 'kekeluargaan' 'dalam suku' menampakkan sifat persefahaman, bekerjasama dan muafakat di dalam apa jua kegiatan atau kerja dalam bidang ekonomi, sosial dan politik (sosio-budaya) seperti kata perbilangan :

Ke bukit sama didaki
Ke laut sama direnangi
Hati gajah sama dilapah (loleh)
Hati kuman sama di cicah (cocah)

Bulat anak buah menjadi buapak
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja

Cubit peha kanan
Peha kiri sakit juga

Selepas daripada 'suku' kelompok yang lebih besar ialah 'luak' merupakan satu daerah atau wilayah. Dari kebulatan 'lembaga' akan menentukan seorang ketua yang dipanggil 'Penghulu' (Undang). Dalam satu 'luak' mempunyai banyak 'suku' namun yang berhak menyandang pesaka 'Penghulu' ialah datangnya dari 'suku' Biduanda (suku asal penduduk tempatan) sahaja. Manakala seterusnya kebulatan dan kuasa 'Penghulu' menentukan ketua negeri, iaitu 'Raja', dengan lain perkataan Penghulu Yang Empat (Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau) melantik 'Yang Dipertuan Besar' bagi NS, seperti kata perbilangan :

Di atas Raja
Di tengah Penghulu (Undang)
Dibawah Lembaga
Raja berdaulat dalam alamnya
Penghulu (Undang) bermika di dalam luaknya
Lembaga bernobat di dalam sukunya
Buapak berketua dalam anakbuahnya

Tafsiran merupakan suatu penentuan, namun dalam membuat tafsiran, kadang-kadang tidak menepati sasaran atau kehendak yang tersirat, kerana itu orang adat perlu memahami :

Adat yang sebenar adat
Adat yang diadatkan
Adat yang teradat
Adat istiadat

yang penting diantara adat-adat yang tersebut diatas ialah ' Adat yang sebenar adat'.

Suatu yang cantik dan istimewa dalam penentuan hak terutama kepada 'orang semenda' apabila menyemenda,ada aturan yang dipakai :

Dapatan tinggal
Pembawaan kembali
Cari bahagi dua

Ungkapan tersebut menampakkan terserlahnya 'keadilan', lantaran itu orang luar adat tidak harus takut atau cemas curiga untuk bersemenda (kahwin) dengan anak gadis NS. Apabila sudah menyemenda bagi orang semenda, ada pula aturannya :

Bila bersemenda di mana'suku'
Sahlah kata adat
Air orang disauk
Ranting orang dipatah
Adat orang diturut
Di mana bumi dipijak
Disitu langit dijunjung
Disuruh pergi
Dipanggil datang
Masuk kandang kambing mengembek
Masuk kandang kerbau menguak
Bagaimana adat di tempat menyemenda
Dipakailah
Lain lubuk lain ikannya
Lain padang lain belalang
Alur sama di turut

Jalan sama ditempuh
Adat sama dipakai
Lembaga sama dituan
Meniru pada yang ada
Meneladan pada yang sudah

Sementara di tempat semenda bagi orang yang sama beradat juga mempunyai hak, tanggungjawab dan kekuasaan masing-masing :

Orang semenda seresam
Tempat semenda seadat
Buat seorang buat semua
Berjalan serentak (sederap)
Melenggang seayun
Lemah melapik
Condong menupang

Manakala dalam menentukan keharmonian hubungan masyarakat adat, ada pula pantang larang yang perlu dipatuhi :

Enau sebatang dua sigai
Pelesit dua sekampung
Diberi satu diambil dua

Tempat semenda
Diberi diambil balik
Beruja berpegang ekor
Melintas kepala ladang

Sebenarnya banyak perkara yang tidak terurai dan terkupas, panjang tak dapat dikerat, pendek tak dapat disambung demikianlah luasnya falsafah yang terkandung dalam Adat Perpatih, makanya patut sekali dibinakan ilmu tentangnya secara yang lebih dekat.

3.2. KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Secara umum, kebudayaan itu adalah keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat atau bangsa dimana terangkum di dalamnya ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat, kemampuan dan kebiasaan yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat dan membentuk kehidupan. Tegasnya manusia melakukan kegiatan yang sesuai dan diminai sehingga menjadi penggerak dalam bidang-bidang tertentu menjadikan kebudayaan itu hidup dan kaya sebagai identiti. Lantaran itu ia terus berkesinambungan zaman ke zaman sehingga ke hari ini.

Apapun bangsa tidak terkecuali bangsa Melayu(NS) dibatasi oleh adat dan agama di mana kedua-dua ini menunjukkan adanya etika, kehalusan budi bahasa, bertutur dengan adap sopan (santun) yang tinggi. Hal ini terpapar jelas dalam apa jua bidang kebudayaan dan kesenian disamping adanya maksud yang 'tersirat' menjadi teras keunggulan falsafah pemikiran.

3.2.1. AGAMA DAN KEPERCAYAAN

Sebenarnya masyarakat Melayu pada asalnya adalah 'animist' percaya kepada roh nenek moyang, kemudian menerima kesan perkembangan agama Hindu-Budha kehidupan dan seterusnya menghayati akidah Islam. Sepanjang tempuh itu pelbagai bentuk kebudayaan dan kesenian yang mengasuh kehidupan mereka. Sesuai dengan ajaran Islam beberapa penyulingan budaya zaman silam dilakukan, diawet dengan pelbagai ragamhias menjadikan kebudayaan orang Melayu kaya dengan cara dan bentuk. Pemikiran yang dilakukan oleh orang Melayu pada hakikatnya merupakan suatu kegiatan sosial, maka menerusi perkara-perkara inilah timbulnya keyakinan yang menjadikan kepercayaan dan diamalkan turun menurun sebagai suatu warisan. Kepercayaan ini muncul dalam semua bidang kegiatan sebagai pengiring

atau penguat semangat sewaktu menguruskan kehidupan yang semakin berkembang dengan melakukan penyesuaian demi penyesuaian sesuai dengan kehendak masyarakat sendiri. Umumnya masyarakat Melayu selain daripada percaya dengan akidah Islam, mereka juga percaya kepada adanya unsur-unsur kuasa ghaib.

Sehubungan itu institusi perbomohan, perdukunan atau kepawangan mendapat tempat istimewa dalam kebanyakan urusan seharian masyarakat bagi membantu masalah :

Sakit pening
Penunggu tempat
Hantu jemalang
Colekan dan usikan
Pengasih benci
Menurun berjin
Turun ke sawah
Memula upacara
Rasi merasi

selain itu orang Melayu juga mempunyai beberapa pantang larang dalam membentuk perilaku dan keselamatan :

Anak dara tak baik menyanyi di dapur
Memakan buah kembar
Berjalan ketika senja
Anak kecil tak baik melihat cermin
Belum bersunat tak baik makan tempedal ayam
Bersikat malam hari
Bersiul dalam rumah
Minum cawan retak, makan pinggan retak
Makan bertatang
Lalu belakang orang
Duduk di muka pintu
Melihat gerhana bulan
Ketika makan sejamban jangan ambil dahulu

Makan tombong nyiur yang kecil
Anak kecil berjalan malam palitkan arang
Cakap siang pandang-pandang
Cakap malam dengar-dengar
Duduk atas bantal
dan sebagainya

3.2.2. GOTONG-ROYONG

Masyarakat yang mengamalkan permuafakatan, seperti NS seringkali menyelesaikan masalah kerja yang berat dengan cara 'gotong-royong' atau disebut juga 'menyeraya' (nyongayo) dan 'berderau' ditempat lain. Nilai 'bekerjasama' dimanifestasikan dalam pekerjaan secara beramai-ramai menjadi begitu indah dan mesra serta bertolak ansur. Tujuan paling utama ialah untuk menyelesaikan masalah individu dan kampung. Penyatuan tenaga membentuk kekuatan menjadi amalan dan prinsip hidup dalam mengatasi masalah. Kerja-kerja menyeraya ialah :

Menyemai benih padi
Menyangkul sawah
Mengubah(menanam) anak benih padi
Menuai padi
Membina empangan (menaik air)
Kenduri kendara
Menegak rumah
Memindah rumah
Majlis-majlis agama
Menghadapi musuh
Kematian
Nikah kahwin menanam balas

3.2.3. MUZIK

Umumnya masyarakat Melayu suka pada hiburan, ini kerana setelah penat bekerja pada siang hari dan sebelah malam melakukan sesuatu yang dapat merehatkan fikiran (mencari ketenangan) dan memberikan hiburan. Sehubungan dengan itu pelbagai cara dan aktiviti dilakukan untuk kerehatan ini. Riadah yang ringan dan mudah, bermain permainan tradisional sama ada kanak-kanak atau dewasa. Namun suatu yang lebih ketara dan menghiburkan ialah muzik tradisional dan nyanyian rakyat.

Dalam muzik tradisional mereka bersuka ria dengan pelbagai alat dan cara persembahan :

Tumbuk kalang
Dikir Rebana
Caklempong
Serunai batang padi
Seruling bangsi
Tambor Upih
Cak Kuncak
Tetawak dan gendang
Biola dan genggong
Arkodion

Dalam bidang nyanyian rakyat, orang Melayu NS cukup kaya dengan lagu-lagunya :

Bongai : Awang Kitang
 Buduh Randai (Landai)
 Bujang jauh
 Cantik manis
 Cemperai
 Din-din
 Donak Donai
 Gobah panjang – Gobah Pendek
 Hitam Manis
 Itik Pulang Petang

Lancang Kuning
Muara Gabang
Peradong
Petaseh
Ratok
Rentak Kudo – Senaling – Kepis
Sendeng
Serunai Ja'inah
Sulung Abang
Elak Rotan
Timang Seberang
Umpa Bocek

(Haji Ismail Abdul Hadi 1996 :81)

Tumbuk kalang :

Tumbuk Emping
Bebarau Seberang Jetai
Beraja Di mata
Bujang Jauh
Cak Kulu (Cak Liku)
Cincang Pelupuh
Cincang Rebung
Dua Beradik
Dua Beranak (Janda Beranak Satu)
Gedombak
Goga Bacang
Hujan Panas Di Tengah Hari
Intai-intai
Janda Berhias
Janda Lari
Kak Endon
Kambing Berlaga
Kang Kang Kap (Kang Kakap)

Kancing Pintu (Kancing Pintu Petang-Petang)
 Keket (Kikik-Kriket)
 Ludo Berontak (Kuda Lambung – Kuda Kepang)
 Kolang Kotang Angguk-Angguk
 Merantau Di Hujung Jungka
 Patah Lambung (Patah Lampung)
 Pelanduk Hujung Tanjung
 Pong Along-along
 Raja Beradu
 Rantau Pinggiran
 Ratip Jalan
 Salung Anang Rentak Kudo
 Siamang Tegerau
 Sinya (Sidia)
 Tak Tun Tun Gelamai Jagung
 Tampi Padi
 Tebing Gurut (Runtuh)
 Tari Inai (Terinai)
 Tiga Beranak (Janda Beranak Dua)
 Timang Kak Jando
 Timun Jawa
 Titian Permatang
 Tumbuk Kalang Miku
 Tupai Menegur (Tupai Bergelut – Tupai Mengeket)
 Turun Naik

(Haji Ismail Abdul Hadi 1996: 211-212)

Caklempong :

Tak Tun Tun Gelamai Jagung
 Pak Tinjar
 Pengantin Masuk Bilik
 Goga Bacang
 Tupai Bergelut
 Donak Donai

Inang dan Joget
Rentak Kudo
Tari Piring
Tari Inai (Terinai)
Nasib Pelayaran
Hujung Tanah
Randai
Ratok Baginda Suman
Tarik Rotan
Si Rambang
Buai Anak
Silat

Lagu-lagu ini (banyak lagi) kebanyakan senikatanya berupa pantun-pantun asli yang dilafaz secara berbalas-balas yang selalunya mempunyai maksud tersurat untuk memikat, merayu pada pihak yang lain. Menerusi muzik dan nyanyian ini timbul perasaan 'sayang' yang kemudian membawa ke jinjang pelamin, yang bercerai rujuk semula, merajuk pergi membawa hati, yang merajuk pulang kembali dan yang bergaduh kembali berdamai. Pantun-pantun yang dinyanyikan dicipta begitu 'cantik', bermakna dan menyentuh perasaan 'serta mencuit hati' sebagai contoh :

Anak enggang di kayu tinggi
Patah ranting terbanglah ia;
Anak dagang tak lama di sini
Sampai musim pulanglah dia.

Limau manis tinggi tak tinggi
Kalau tinggi nampak pucuknya;
Hitam manis tu tak ada di sini,
Kalau di sini nampak duduknya.

Apa diharap kepada padi
Padi petak dari ruang
Apa diharap kepada kami
Budi tidak bahasapun kurang

Pohon rendang di rumah Putih,
Air surut nampaklah tiangnya;
Sudah dipandang datanglah kasih,
Jika disebut nampaklah orangnya.

Ada kain dibuang baju
Baju digantung dek orang cina;
Dah ada yang lain buanglah aku,
Kerana aku dah pakai lama.

Buah durian berpandu-pandu
Hendak dibelah beruang-beruang
Adik ibarat si kain baju
Biarlah lusuh dek abang seorang.

3.2.4. ADAT ISTIADAT

Dalam hal adat istiadat ini, orang Melayu NS memang kaya mengenainya, apatah lagi dalam urusan Adat Perpatih.

Perlantikan Yang Dipertuan Besar
 Dato' Undang Yang Empat
 Dato' Lembaga
 Buapak

Berkedim
Nikah Kahwin
Melenggang perut
Naik buai (berendoi)
Mencecah (memijak) tanah

Bercukur (Pangkas) jambul
Bertindik
Bersunat
Khatam Al-Quran
Merisik memining
Bersanding
Majlis berinai kecil-besar
Suap-suapan
Ambek pintu
Menyalang
Berbesan
Menggelar
Kematian
Menjemput pulang
Merumah
Menyerah

Ke semua adat istiadat ini sering diiringi dengan pepatah petiitih yang menjadi pemanis bicara sebagai peraturan dan undang-undang.

3.2.5. SASTERA

Seperti orang melayu lain, orang melayu NS juga mempunyai banyak perkara yang berkaitan dengan sastera, sama ada secara lisan mahupun secara bertulis. NS mempunyai pantun-pantun asli, perbilangan, pepatah petiitih, tekateki, cerita-cerita rakyat :

Batu Belah Batu Bertangkup
Cincin Hikmat
Si Tanggang
Telur Temakul
Gua Sakti
Kisah Hantu

Lubang Belakang
 Hantu Badan
 Hantu Tinggi
 Hantu Kopek
 Pontianak
 Puteri kanun
 Langsui
 Si Timang Janda
 Cerita-cerita binatang
 Terombo

3.2.6 MASAKAN DAN MAKANAN TRADISIONAL

Orang Melayu NS juga kreatif dan mempunyai citarasa yang tinggi dalam mengadun masakan dan makanan tradisionalnya dengan keunikannya tersendiri berbeza dengan masakan dan makanan tradisional negeri-negeri lain. Secara kasar masakan dan makanan tradisional NS dibahagikan kepada tiga :

Mentah : Kerabu
 Ulam-ulaman
 Umbi-umbian
 Lawa
 Sambal gesek
 Buah-buahan

Bermasak : Lauk-pauk : Masak Lemak Lada Api
 Sambal Tempoyak Daun Kayu
 Pindang
 Rendang
 Lempap
 Bakaran
 Pekasam
 Kuih-muih : Anak Dara Dua Sebilik
 Kelepong
 Puteri mandi

Cucur
Serabai
Jelurai
Emping
Penganan
Kesirat
Wajik
Pulut katan
Tapai
Bahulu
Bangkit
Kuih telur
Sagun
Lengkong
Kuih nasi
Bertih
Lempeng
Kerepet
Kuih Kuyo
Mentalam
Abuk-abuk
Denderam
Kuaci
Lopek
Sepang
Cekodok
Rebusan : Ubi kayu – ubi gadong
Keladi
Keledek
Sikuayah – jering
Biji nangka
Biji Cempedak
Biji Bangkong

Kuih gulung (ketayap)

Ketuk kacang

Apam

Kuih goyang

Ketupat

Lemang

Badak berendam

Air minuman : Janda pulang

Cendol puar

Cendol pandan

Selaseh

Sarbat

Nira

Asaman

Dadih

Didih

Halia

Akar-akar kayu

Air sejuk – Gopong – Gobok

Air tebu

Air sirap

3.2.7. KESENIAN

Menjadi lumrah dalam kehidupan orang Melayu NS mempunyai bermacam ragam kesenian bagi menghiasi kehendak dan selera seninya :

Anyaman

Jahit menjahit

Sulam menyulam

Lipat melipat

Tarian

Silat

Ukir mengukir

Melarik

Mengandam

Pertukangan : Mendirikan rumah
Alat kelengkapan rumah
Budaya benda pertanian
Sangkar dan jebak
Alat tangkapan ikan
Perkakas muzik
Budaya benda daratan
Kenaikan di air
Alat senjata
Alat permainan
Melukis
Ceramik
Gubahan – Bunga telur
Bunga panco

3.2.8. PERMAINAN

Di luar urusan mencari rezeki untuk periuk nasi, untuk menjaga kesihatan terutama kepada mereka yang kurang minat melibatkan diri dalam bidang seni mengalih minat dalam bidang permainan tradisional :

Gasing
Layang-layang
Sepak raga bulatan
Panjat tiang licin
Pukul Gopong
Galah Panjang
Cak Liku
Konda kondi
Pat Suku Lipat
Dam Melayu – Dam Harimau
Main guli
Jala-jala itik , Jala-jala ayam
Bangsolobu
Main pondok-pondok

Congkak tanah
Baling tin
Baling botol
Main getah
Seketo
Main nyuruk-nyuruk
Ketenteng
Takelempong
Bedil-bedil
Maling-maling
Laga biji saga
Main kotak
Main terup (buat sendiri)
Lastik
Tali ayun (humban)
Enjut-enjut batang
Laga luut
Main jenuk
Main simbang
Main-main hantu
Main sampan kertas
Main kejar-kejar
Berlakun
Main lidi
Lawan siku
Main meriam buluh
Main njut-njut semut
Pangkah cacak
Isi air dalam botol sambil menyelam
Jalan bergunjai
Sepak bola taban
Pukul bola
Main duit-duit

4. IDENTITI BUDAYA NS

Pemaparan secara ringkas dan umum mengenai sosio-budaya NS yang masih belum lengkap penghuraianya, jelas menunjukkan betapa banyak dan kayanya bidang budaya yang dimiliki oleh NS. Semuanya manjadi identiti kepada negeri bertuah 'ala minang' secara umumnya. Menjelang Tahun Melawat Negeri Sembilan pada Tahun 1999 (TMNS '99) dalam menentukan aspek-aspek utama dan penting sebagai identiti pilihan, maka Mesyuarat Ahli EXCO Kerajaan Negeri, NS yang telah bersidang pada 19 November, 1997 telah bersetuju menerima dan mengistiharkan sebanyak 14 perkara sebagai identiti NS :

ADAT	:	Adat Perpatih
BANGUNAN	:	Rumah Tradisional Berbumbung lentik
BUNGA	:	Bunga Tanjung
HAIWAN	:	Kerbau
KUIH-MUIH	:	Penganan dan Cucur
LAGU	:	Bongai
LAMBANG	:	Istana Lama Seri Menanti
MASAKAN	:	Masak Lemak Lada Api
MINUMAN	:	Air Janda Pulang
MUZIK	:	Caklempong
PAKAIAN	:	Baju Melayu (L) Baju Kurung (P)
PERMAINAN	:	Dam Melayu
SENJATA	:	Canggai puteri
TARIAN	:	Tarian Piring

Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada 3/7/98 telah meluluskan beberapa perkara lagi ditambah bagi dijadikan identiti NS, '**JUADAH**', 'Lemang', '**MUZIK**', 'Tumbuk Kalang', 'Dikir Rebano' dan seumpamanya yang sememangnya menonjol di negeri ini.

5. KESIMPULAN

Sesuai dengan sistem ekonomi sara diri yang berat kepada pertanian maka aktiviti sosio-budayanya penuh dengan adat istiadat di samping pentadbiran politik tradisional yang sesuai, menjadikan masyarakat Melayu NS maju dengan pemikiran kreatif yang mantap dalam menghadapi kehidupan seharian. Semuanya ini menampakkan orang Melayu NS setaraf dan setanding dengan masyarakat Melayu di negeri-negeri lain, malah dalam beberapa hal tertentu orang melayu NS menjadi perintis ulung dan unggul yang sukar ditandingi.

Untuk itu sudah seharusnya pihak tertentu memperkemaskan dengan penuh sedar akan segala khazanah warisan nenek moyang ini, yang pudar dipugar hingga mengelit, 'yang condong ditupang, yang lemah dilapis, yang kurang ditokok dan yang usang diperbaharui agar warisan berkesinambungan, agar ianya tidak 'bangsai' terperosok di sudut pandangan. Semestinya budaya bangsa ini dapat diperkembangkan hidup kekal menjadi tunggak kekuatan maruah pada masa hadapan. Lantaran itu perlu ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap bagi melihat, menilai, memperkembang dan mempertahankan kebudayaan dan kesenian NS agar sentiasa terkehadapan yang tidak kehilangan identiti.